

LEZPAIN FILM COATED TABLET

Mebeverine Hydrochloride (135mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan LEZPAIN FILM COATED TABLET
2. Bagaimana LEZPAIN FILM COATED TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan LEZPAIN FILM COATED TABLET
4. Cara menggunakan LEZPAIN FILM COATED TABLET
5. Semasa menggunakan LEZPAIN FILM COATED TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LEZPAIN FILM COATED TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan LEZPAIN FILM COATED TABLET

LEZPAIN FILM COATED TABLET digunakan untuk rawatan simptomatik untuk sakit perut dan kekejangan, pengangguhan usus dan ketidakselesaan usus yang berkaitan dengan sindrom kerengsaan usus.

Bagaimana LEZPAIN FILM COATED TABLET berfungsi

Mebeverine adalah *antispasmodic*, dengan bertindak secara langsung pada otot licin saluran gastrousus, melegakan kekejangan tanpa menjejaskan pergerakan usus.

Sebelum menggunakan LEZPAIN FILM COATED TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada hipersensitiviti terhadap mebeverine hydrochloride atau mempunyai hipersensitiviti kepada mana-mana komponen produk ini.

-Sebelum menggunakan LEZPAIN FILM COATED TABLET

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila rujuk doktor anda sebelum menggunakan LEZPAIN FILM COATED TABLET jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung dan jika anda menyusukan anak. LEZPAIN FILM COATED TABLET mungkin boleh digunakan semasa menyusukan anak kerana mebeverine tidak dikesan dalam susu. Dapatkan nasihat doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan LEZPAIN FILM COATED TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 10 tahun: 135mg 3 kali sehari.

-Bila perlu digunakan

Diambil 20 minit sebelum makan.

-Berapa lama perlu digunakan

Dapatkan nasihat doktor tentang tempoh pengambilan ubat.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan daripada doktor dengan segera. Secara umumnya, sistem saraf pusat (CNS) dijangka akan terangsang dalam kes terlebih dos.

Semasa menggunakan LEZPAIN FILM COATED TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Apabila ubat ini diambil seperti yang ditetapkan, mebeverine tidak memberi kesan terhadap kemahiran psikomotor/pergerakan yang berkaitan dengan memandu dan menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, LEZPAIN FILM COATED TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers→Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan LEZPAIN FILM COATED TABLET

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

-Pelupusan

Lupuskan ubat ini jika anda tidak lagi mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet bulat bersalut filem berwarna putih.

-Bahan kandungan

- Bahan aktif
Mebeverine Hydrochloride
- Bahan tidak aktif-
Povidone
Silicon Dioxide
Magnesium Stearate
Lactose
Cellulose
Polyethylene Glycol
Dimethicone
Titanium Dioxide
Isopropyl Alcohol

- Nombor MAL

MAL06011697A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

04/02/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)030216/00026